

Tambang: Orangramai lebih utama

Pekerja bas: Syon Dr. M

KUALA LUMPUR, Rabu

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan pemimpin kesatuan sekerja jangan menggunakan ancaman, tetapi menyelesaikan tuntutan mereka melalui perundingan dengan pihak pengurusan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja jangan membuat ancaman untuk menghentikan kerja kepada rakyat dan negara bagi menguatkan tuntutan mereka.

Menyentuh tuntutan Kesatuan Pekerja-pekerja Pengangkutan supaya dinaikkan \$120 gaji hakiki semua ahli, beliau berkata, tuntutan yang tinggi seperti itu akan mengakibatkan inflasi di negara ini.

Beliau menasihatkan pemimpin kesatuan mendapatkan pertolongan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat jika rundingan mereka gagal.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan Seminar Ahli-ahli Parlimen bagi Rantau Australia dan Pasifik sehari di Bangunan Parlimen di sini.

Mengenal rayuan pengusaha-pengusaha bas supaya struktur tambang dikaji semula, beliau berkata, Kerajaan sedia mendengar pendapat mereka.

Kerajaan sedia bertolak ansur dengan pengusaha-pengusaha bas mengenai kenaikan tambang baru yang menimbulkan rasa tidak puas hati mereka, katanya.

Kata beliau, jika ada alasan-alasan yang munasabah, Kerajaan tidak mengenyahkan permintaan mereka, malah sedia menibangkannya.

"Pintu rundingan masih terbuka. Mereka boleh berunding semula dengan pihak Kementerian Pengangkutan jika ada kes kurang bersetuju dengan kadar tambang baru yang dimunculkan oleh Kerajaan minggu lalu," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Presiden Persatuan Pengusaha-pengusaha Pengangkutan Jalan Semalaysia, Encik Lee Pee Hung, yang ditarkkan akhbar ini, hari ini.

Encik Lee menjelaskan, pengusaha-pengusaha bas menolak kadar tambang baru yang diluluskan oleh Kerajaan dengan alasan terlalu banyak anomali dalam strukturnya.

Tak membebankan

Mengenal perkara itu, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata: "Kerajaan telah mengkaji secara terperinci sebelum mengemukakan kadar baru teksi dan bus supaya kenaikan itu tidak membebankan orang ramai."

Menurutnya lagi, Kerajaan bertanggungjawab dan lebih mengutamakan kepentingan orang ramai dari syarikat-syarikat bas.

Sebelum itu, berucap mengawali-alukan seminar tersebut, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Ahli-ahli Parlimen harus mengetahui struktur dan perjalanan sistem Parlimen di lain-lain negara.

Ini, katanya, akan memberi pelbagai Ahli Parlimen asing mengetahui perjalanan demokrasi di Malaysia.

"Menerusi seminar, peserta akan mengetahui bagaimana demokrasi berjalan di negara ini dan saya berharap langkah ini akan memupuk persefahaman yang lebih erat di kalangan Ahli Parlimen dari berbagai negara Komanwel," tambahnya.

Seramai 26 wakil negara-negara Komanwel di rantau Australia-Pasifik menghadiri seminar itu.

Malaysia diwakili oleh tiga orang, iaitu Senator Abdul Razak Abu Samah, Ahli Dewan Undangan Negeri Perak, Encik Hamid Ngah Taib dan Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dr. Ong Hoon T.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia